

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UniMAP
PADA MAJLIS PERASMIAN HARI KOKURIKULUM 2014
SEMPENA FESTIVAL KONVOKESYEN KE-9 UniMAP
26 SEPTEMBER 2014

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,
Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP.**

SALUTASI

Yang Berbahagia, Ibu Meniati M. Kes, Rektor Universitas Ubudiyah Indonesia,

Yang Berbahagia, **Assistant Komisioner Polis Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,** Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa merangkap Komandan Kor Suksis, UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Ketua-ketua jabatan dan agensi-agensi badan beruniform Negeri Perlis,

Delegasi dari Ubudiyah Indonesia dan Wailalak Universiti, Thailand,

Dekan-dekan dan Ketua Jabatan UniMAP,

Yang Berusaha Mejar Prof. Madya Dr. Zaliman Sauli, Pengarah Pusat Kokurikulum merangkap Timbalan Komandan PALAPES UniMAP dan juga Pengerusi Hari Kokurikulum 2014,

Wakil-wakil Media,

Para jurulatih kokurikulum dan badan beruniform,

Para pelajar dan hadirin hadirat yg dikasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi, dengan izin dan kurniaNYA dapat kita berkumpul pada hari yang berbahagia ini seterusnya memeriahkan Majlis Perasmian Hari Kokurikulum 2014 sempena Festival Konvokesyen UniMAP ke-9 .
2. Terima kasih dan syabas saya ucapkan kepada Pusat Ko kurikulum UniMAP dibawah pimpinan Prof. Madya. Dr Zaliman Sauli serta seluruh jawatankuasa di atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan dalam memastikan kelancaran program pada hari ini.

AKTIVITI KO KURIKULUM

Dato'-dato' dan hadirin sekalian,

3. Sempena dengan kemasukan para pelajar baru Program Ijazah Sarjana Muda bagi sesi 2014/2015 ini, UniMAP sekali lagi membuka lebaran baru dari aspek aktiviti dan pembangunan ko kurikulum. Pada kemasukan kali ini UniMAP menerima kemasukan seramai 3,187 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda yang terdiri daripada pelbagai lapisan kaum seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Bidayuh, Siam dan lain-lain.
4. Di UniMAP, para pelajar diwajibkan menganggotai badan beruniform sekurang-kurangnya satu tahun yakni dua semester mengikut badan beruniform yang ditawarkan dan diikuti dengan kursus kokurikulum yang lain bagi memenuhi syarat bergraduasi universiti.
5. Sehubungan dengan itu, struktur kursus kokurikulum ini telah dirangka khusus kepada pelajar bagi meningkatkan lagi semangat patriotisme, pembentukan jatidiri, disiplin, mengeratkan semangat berpasukan dan penekanan kepada amalan Integriti. Saya percaya dengan struktur ini ia akan membentuk graduan yang cemerlang serta memiliki kemahiran insaniah yang berterusan. Setakat hari ini UniMAP telah menawarkan 33 jenis kokurikulum dan 15 jenis badan beruniform di mana Silat Cekak, Brass Band, Taekwondo WTF, Taekwondo GTF dan

Karate-do dijadikan badan beruniform mulai pengambilan Sidang Akademik 2013/2014.

6. Kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum pembelajaran. Perkara ini berlaku bukan sahaja di peringkat sekolah tetapi juga di peringkat pengajian tinggi.

Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) yang telah diperkenalkan di Institut Pengajian Tinggi adalah berteraskan Kemahiran Insaniah yang meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran pembelajaran berterusan dan teknologi maklumat, kewibawaan berintegriti, keusahawanan, dan kepemimpinan.

7. Sebagai makluman, aspek transformasi yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 Sektor Pengajian Tinggi, bertindak untuk memberi tumpuan bagi melahirkan graduan kompeten selaras kehendak pasaran kerja yang mampu menyumbang kepakaran kepada masyarakat dunia, sekaligus berkebolehan kognitif. Kemahiran-kemahiran ini amat penting untuk dipraktikkan dikalangan pelajar bagi menghasilkan graduan berketerampilan, dan bernilai murni ke arah pembentukan sumber tenaga manusia negara yang mempunyai personaliti menjulang (*towering personality*) dan holistik.

Hadirin hadirat sekalian,

8. Universiti Malaysia Perlis sangat proaktif dalam menjana modal insan yang berkualiti terutamanya penglibatan pelajar dalam *University Community Engagement* (Program Jaringan Masyarakat). Untuk makluman sekalian, UCE adalah satu program usahasama antara universiti dengan komuniti selari dengan Pelan Transformasi Sosial. Program ini bukan sahaja mampu mendekatkan siswa siswi UniMAP dengan masyarakat luar tetapi apa yang lebih penting ialah mereka diberi pendedahan dan dilatih untuk mempraktikkan nilai-nilai

keaktiviti, kolaborasi, pemikiran kritikal, berdaya tahan, dan berempati yang boleh mereka gunakan apabila berada di dalam dunia pekerjaan kelak.

9. Perkara ini amat bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu memberi fokus kepada pelajar untuk mengambil Kokurikulum Berkredit di IPTA dan terlibat dengan University Community Engagement (UCE) dimana peratusan yang ditetapkan pada tahun 2014 adalah sebanyak 70% (peratus) dan meningkat kepada 100% (peratus) pada tahun 2015.
10. Alhamdulillah, kejayaan demi kejayaan telah dicapai oleh Pusat Kokurikulum UniMAP. Sesungguhnya, kejayaan ini tidak dapat diperolehi tanpa komitmen yang amat baik dan sumbangan oleh semua jurulatih yang bertauliah.
11. Penglibatan dan pengorbanan jurulatih tanpa mengira masa, tempat dan tenaga amat dihargai yang akhirnya menghasilkan impak positif pada perubahan personaliti dan sahsiah pelajar UniMAP itu sendiri. Antara kejayaan yang dapat dicapai pada tahun ini :
 - i) Pasukan Badan Beruniform Kor SISPA UniMAP telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan Kemahiran Menyelamat sempena Majlis Pentauliahan dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA Kali ke-5 2014 yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
 - ii) Pasukan RELASIS UniMAP telah berjaya melayakkan diri ke Pertandingan Ujian Kemahiran Menembak RELA Peringkat Kebangsaan pada bulan November akan datang setelah menjadi Johan Pertandingan Menembak Antara RELASIS IPTA di Sungai Udang, Melaka 18 September yang lalu.
 - iii) Seterusnya, pasukan Palapes UniMAP telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Kawad sempena Pentauliahan

DiRaja Pegawai Kadet Palapes ke-34 yang telah diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 13 hingga 24 Ogos yang lalu. Serta banyak lagi kejayaan-kejayaan yang dirangkul sepanjang tahun ini.

PENUTUP

Justeru itu sebagai Naib Canselor, saya menyeru kepada seluruh warga tenaga pengajar UniMAP, dan jurulatih kokurikulum serta badan beruniform, AYUH! kita bersama bahu-membahu, saling membantu merealisasikan kelahiran pelajar yang mempunyai personaliti peribadi unggul dan menguasai ilmu semaksima mungkin.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Kokurikulum 2014 sempena Festival Konvokesyen ke-9 Universiti Malaysia Perlis.

Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamu alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian dan terima kasih.